

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

WALKABOUT PASAR BESAR & JELAJAH MENU RAHMAH KOTA KINABALU, SABAH

KOTA KINABALU, 12 MAC 2023 – Yang Berhormat Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hari ini telah melakukan **sesi walkabout di Pasar Besar Kota Kinabalu, Sabah**.

2. Tujuan utama sesi walkabout ini diadakan adalah bagi **meninjau tahap pematuhan peniaga** ke atas penentuan harga maksimum bagi pelaksanaan **Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam (PHMAT)** dan pada masa yang sama bagi **memantau keberadaan bekalan barang-barang perlu dan kedudukan harga semasa** bagi **persediaan menjelang bulan Ramadan** yang bakal tiba.

3. Menjelang sambutan bulan Ramadan, **Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa KPDN akan ditugaskan di lokasi-lokasi strategik** seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan. Strategi ini membolehkan **penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih berkesan** di mana tindakan segera dapat diambil terhadap aduan pengguna dan tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga sekiranya berlaku ketidakpatuhan. Langkah-langkah ini juga mencerminkan usaha berterusan bagi melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika.

4. KPDN Sabah telah melantik **170 peruncit daerah terpilih (DDR – Dedicated District Retailer)** dan **89 pemborong daerah terpilih (DDW – Dedicated District Wholesalers)** di seluruh Sabah bagi tujuan pemantauan kedudukan bekalan barangan keperluan asas di Sabah. Kedudukan bekalan

barang keperluan asas berdasarkan peruncit dan pemborong yang di lantik di setiap daerah di Sabah ini akan menjadi penanda aras ke atas bekalan barang keperluan asas di daerah-daerah berkenaan.

5. Untuk rekod, sepanjang bulan **Januari hingga 11 Mac 2023** sebanyak **16,285 premis** telah diperiksa di seluruh Sabah. Daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak **304 kes** telah dihasilkan melibatkan pelbagai akta dibawa perundangan yang dikuatkuasakan oleh KPDN dengan nilai kompaun sebanyak **RM47,200.00** dan nilai rampasan sebanyak **RM1,050,392.00**.

6. Pada hari ini, YB Menteri turut melakukan **Jelajah Menu RAHMAH di Kota Kinabalu, Sabah** sekaligus melancarkan **Inisiatif Menu RAHMAH** peringkat Kota Kinabalu di **Restoran BTC Bistro Inanam**. Restoran ini menawarkan set makan tengah hari bagi **Menu RAHMAH** dan menu ini boleh dibeli pada setiap hari isnin hingga jumaat dari pukul 11.30 pagi sehingga 1.30 tengah hari pada harga **RM5.00 per hidangan**.

7. Antara **Menu RAHMAH** yang ditawarkan di **Restoran BTC Bistro Inanam** adalah seperti berikut:

- I. **Hari Isnin**-Nasi Putih, Ayam Masak Kicap, Sup Kosong dan Sayur Kubis Tumis;
- II. **Hari Selasa**-Nasi Putih, Ikan Goreng Sambal, Sup Kosong dan Sayur Taugeh Tumis;
- III. **Hari Rabu**-Nasi Putih, Ayam Masak Merah, Sup Kosong dan Acar Timun Nenas;
- IV. **Hari Khamis**-Nasi Putih, Ikan Masak Taucu, Sup Kosong dan Sayur Kacang Panjang dan;
- V. **Hari Jumaat**-Nasi Putih, Ayam Masak Kari, Sup Kosong dan Sayur Kubis Tumis.

8. Seperti sedia maklum, **Menu RAHMAH** adalah inisiatif terbaru Kerajaan yang telah tular dalam membantu dan mengurangkan kos sara hidup rakyat terutama golongan yang memerlukan untuk mendapatkan makanan bermasak yang seimbang pada harga **RM5.00 dan ke bawah**. **Menu RAHMAH** adalah inisiatif sukarela syarikat swasta di mana Kerajaan tidak menentukan harga, kaedah pelaksanaan, bahan-bahan, serta lauk

bagi **Menu RAHMAH** yang ditawarkan, asalkan ianya seimbang dengan kandungan protein, karbohidrat dan serat berupa sayur-sayuran.

9. Berdasarkan maklumbalas daripada peniaga yang telah menyertai inisiatif ini, **Menu RAHMAH** telah dijadikan model perniagaan **Daya Penarik Pelanggan (Crowd Puller)** untuk menarik pelanggan ke premis mereka. Dengan itu pendapatan mereka dapat ditingkatkan melalui kuantiti jualan yang dapat menampung pengurangan margin dan pada masa yang sama turut bersama-sama dalam usaha kebajikan kepada mereka yang memerlukan.

10. Kerajaan sentiasa komited dalam membantu mempromosi premis yang menyediakan **Menu RAHMAH**. Sehubungan dengan itu, KPDN telah mewujudkan satu portal bagi membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat lokasi premis menjual **Menu RAHMAH** yang berdekatan dan peniaga juga boleh mendaftar penyertaan mereka dengan melayari <https://menurahmah.kpdn.gov.my>. Sehingga 12 Mac 2023, 105 premis makanan telah menyertai **Inisiatif Menu RAHMAH di Sabah** dan lebih dari **1,531 premis perniagaan** telah mendaftar dalam melaksanakan **Inisiatif Menu RAHMAH di seluruh negara**.

11. KPDN menyeru lebih ramai lagi pemain industri khususnya industri restoran, makanan dan peruncitan di negeri Sabah supaya bersama-sama berganding bahu dengan Kerajaan untuk menjayakan aspirasi ini bagi meringankan kos sara hidup rakyat.

12. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi **Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)** di talian hotline 03- 8882 5881/ 5905 atau melalui emel kepada spip@kpdn.gov.my.

**YB DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB,
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,
KOTA KINABALU, 12 MAC 2023**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan niaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

